

SARJIT S. GILL*

**SEJARAH PENGLIBATAN ORANG SIKH DALAM
PASUKAN CONSTABULARI BERSENJATA BORNEO
UTARA, 1882-1949 DAN KESAN TERHADAP IDENTITI**

Majoriti orang Sikh yang awal berhijrah ke Tanah Melayu dan Borneo Utara (kini Sabah) berkhidmat dalam bidang keselamatan sama ada sebagai polis, tentera mahupun pengawal. Artikel ini bermula dengan sejarah penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan sejak tahun 1882 apabila Syarikat Berpiagam Borneo Utara British menubuhkan Constabulari Bersenjata Borneo Utara (CBBU). Peranan, penglibatan dan sumbangan orang Sikh begitu signifikan bagi meluaskan kuasa dan menjaga kepentingan kolonial British sama ada di Tanah Melayu mahupun Borneo Utara. Sehingga kini ada yang tidak mengetahui mengapa pihak kolonial British memilih orang Sikh untuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan berbanding dengan kaum lain. Kesungguhan dan kepercayaan British kepada golongan martial race ini sekaligus telah memperlihatkan penglibatan besar orang Sikh dalam pasukan keselamatan di seluruh jajahan empayar British seperti di India, Kanada, Fiji, Burma, Hong Kong, New Zealand dan Australia. Bahagian kedua artikel ini membincangkan kesan dan sumbangan orang Sikh dalam pasukan keselamatan di Borneo Utara. Antara kesan terhadap identiti Sikh yang cukup signifikan ialah pembinaan institusi gurdwara bertujuan memenuhi keperluan agama dan sosial.

Katakunci: Orang Sikh, Pasukan Keselamatan, Pertahanan

Majority of the Sikhs who migrated to Malaya and North Borneo (Sabah) were involved in security services as police, army and even security guard. This article discusses the history of the Sikhs in the armed forces since Syarikat Berpiagam Borneo Utara British established the Armed Constabulary in North Borneo in 1882. Their role is significant to safeguard the British colonial interest in the region. It has remained unclear until recently why the British had selected this Sikhs and not other ethnic groups as part of the armed forces. The article highlights that British trusted the Sikhs as they were viewed as the martial race in British Empire in India, Canada, Fiji, Burma, Hong Kong, New Zealand and Australia. The remaining part of the article then discusses the contribution of the Sikhs to the security forces in North Borneo.

Keywords: Sikh, Security Forces, Defence.

*Pensyarah Antropologi dan Sosiologi di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Makalah ini telah diubahsuai dan pernah dibentangkan dalam "Fourth International Malaysian Studies Conference (MSC4) pada 3-5 Ogos 2004 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM).

Pengenalan

Kajian tentang diaspora dan orang Sikh masih baru kerana tidak banyak disentuh dalam kajian lepas tentang sejarah sosial masyarakat Malaysia. Sehingga kini kajian lepas tentang sejarah kedatangan orang Sikh di Sabah kurang jelas dan menimbulkan pelbagai persoalan. Malah ada individu yang terlepas pandang untuk meneliti pelbagai dokumen sejarah seperti *British North Borneo Annual Reports* dan akhbar rasmi kerajaan, iaitu *British North Borneo Herald* (BNBH).¹ Apa yang pasti, salah satu aspek penting yang masih belum diteliti oleh sarjana dalam kajian ialah penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan di Sabah dan kesannya terhadap identiti Sikh. Sekiranya dibandingkan, perbincangan tentang sejarah kedatangan dan penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan kolonial British di Tanah Melayu ada dibincangkan dalam kajian lepas.² Perlu ditegaskan bahawa masih banyak ruang kajian yang wujud tentang komuniti Sikh sama ada dari segi ekonomi, politik dan sosial serta hubungan kaum bersama masyarakat tempatan yang multi-etnik di Malaysia amnya dan Sabah khususnya.³

Makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, kajian ini mengupas sejarah penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan sejak tahun 1882 apabila Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (*British North Borneo Company*) menubuhkan Constabulari Bersenjata Borneo Utara (CBBU).⁴ Peranan, penglibatan dan sumbangan orang Sikh begitu signifikan bagi meluaskan kuasa dan menjaga kepentingan kolonial British sama ada di Tanah Melayu mahupun Borneo Utara. Malah sehingga kini ada yang tidak mengetahui mengapa pihak kolonial British memilih orang Sikh untuk berkhidmat dalam pasukan keselamatan berbanding dengan kaum lain. Kesungguhan dan kepercayaan British kepada golongan *martial race* ini sekaligus telah

¹ Antara kajian yang pernah dibuat seperti Datuk G.S. Kler. (1989). *Brief historical notes: Sikh settlers and gurdwaras of Sabah in Malaysia*. t.pt.; Serjit Sahib Singh. 1992. Krisis identiti di kalangan komuniti peranakan Punjabi yang beragama Sikh: satu kajian kes di Pantai Barat Sabah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia; Ranjit Singh, D.S. 1993. *Indians in East Malaysia*. Dlm K.S. Sandhu dan A.Mani (pnyt.). *Indians Communities in Southeast Asia*, hlm. 568-584. Singapore: Time Academic Press; Azharudin Mohamed Dali. 2003. Sejarah masyarakat India di Sabah sebelum dan selepas merdeka: satu penelitian umum. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 31: 227-244 & Surjit S. Gill. 2003. *Sikhs in Sabah and Labuan: a historical perspective*. Labuan: Labuan Sikh Society.

² Bacaan lanjut tentang penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan kolonial British khususnya di Tanah Melayu sila rujuk, Arunajeet Kaur. 2003. *The role of Sikhs in the policing of British Malaya and the Straits Settlements (1874-1957)*. Tesis Sarjana Sastera. National University of Singapore & Surjit S. Gill. 2003. Penglibatan orang Sikh dalam tiga pasukan keselamatan kolonial British di Malaya sehingga 1919. Layari laman e-jurnal www.fssk.ukm.my/esumber/. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Selanjutnya maklumat tambahan tentang diaspora Sikh pula, sila rujuk, K.S. Sandhu. 1970. Sikh immigration into Malaya during the period of British rule. Dlm. Chen, J. & Tarling, N. (pnyt.). *Studies in the social history of China and South-East Asia*, hlm. 335-354. Cambridge: Cambridge University Press & Surjit Singh. 2001. Kedatangan orang Sikh dan penubuhan gurdwara di Tanah Melayu. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 29: 31-42.

³ Informasi pelbagai kajian lepas tentang komuniti Sikh di Malaysia, sila rujuk Surjit S. Gill. 2002. Bibliografi komuniti Sikh di Malaysia (1937-2002). *Sari* 20: 169-179.

⁴ Sehingga kini tiada satu kajian khusus dibuat tentang sumbangan orang Sikh dalam bidang keselamatan di Sabah. Hal ini kerana sukar mendapatkan dana bagi pelbagai penyelidikan tentang komuniti minoriti Sikh di Malaysia.

memperlihatkan penglibatan besar orang Sikh dalam pasukan keselamatan di seluruh jajahan empayar British seperti di India, Kanada, Fiji, Burma, Hong Kong, New Zealand dan Australia.

Bahagian kedua pula meneliti tentang kesan penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan terhadap identiti Sikh. Ada beberapa kesan utama yang dikenalpasti seperti pembinaan institusi gurdwara bertujuan memenuhi keperluan agama dan sosial. Justeru, kesan pembentukan satu komuniti baharu, iaitu peranakan Punjabi akibat proses kahwin campur antara anggota Sikh dengan gadis tempatan. Komuniti peranakan Punjabi yang dipercayai wujud sejak tahun 1930-an di Jesselton (kini Kota Kinabalu) semakin berkembang di beberapa kawasan lain seperti Lahad Datu, Sandakan, Tawau, Tuaran dan Likas. Apa yang pasti, sebahagian besar komuniti peranakan Punjabi merupakan warisan sejarah peninggalan pasukan CBBU.

Banci Awal Orang Sikh di Borneo Utara

Sehingga kini, bilangan jumlah penduduk Sikh di Sabah tidak diketahui kerana tiada satu pembahagian khusus dibuat tentang kaum Sikh/Punjabi dalam perkiraan banci. Golongan tersebut sering dimasukkan ke dalam kategori agama Hindu yang sememangnya berbeza dengan agama Sikh.⁵ Pada tahun 1911, banci penduduk Sikh di Borneo Utara berjumlah 173 orang (Lihat Jadual 1). Majoritinya berkhidmat dalam bidang keselamatan dan pertahanan bagi menjaga kepentingan pihak kolonial.

Sejarah Kedatangan dan Penglibatan dalam Pasukan CBBU

Sejarah kedatangan orang Sikh ke Sabah bermula sejak tertubuhnya pasukan polis pada tahun 1882, iaitu ketika Syarikat Berpiagam Borneo Utara British menubuhkan (CBBU)⁶ yang dianggotai majoriti keturunan Sikh dan Punjabi-Muslim (Radzuan 1995: 53-54).⁷ Selain bidang kepolisan, makalah ini turut memerihalkan penglibatan orang Sikh sebagai warder di jabatan penjara, yang ketika itu juga di bawah penguasaan Komandan CBBU.

⁵ Jumlah penduduk Malaysia keturunan India yang beragama Hindu di Sabah pada tahun 2000 berjumlah 2,524 orang. Ketiadaan satu kategori yang khusus bagi komuniti Sikh memberi satu kesan negatif kepada masyarakat Malaysia bagi mengenalpasti jumlah sebenar orang Sikh di Sabah.

⁶ Pada tahun 1903, Ordinan Constabulari dibentuk bagi kemudahan rujukan para anggota pasukan CBBU tentang pelbagai peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan sebagai anggota keselamatan. Sila rujuk, Fail No. 87, Constabulary Ordinance 1903 (Arkib Negeri Sabah).

⁷ Tetapi ada sumber lain menyatakan bahawa orang Sikh yang pertama tiba di Sabah pada tahun 1868 bernama Bhagat Singh Sandhu (1848-1923), berasal dari daerah Amritsar di Punjab. Bhagat Singh dipercayai pernah berkhidmat sebagai pegawai keselamatan di Syarikat Arang Batu (*Coal Company*) sejak tahun 1868 di Labuan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1923 ketika berusia 75 tahun dan generasinya (keturunan) kini masih lagi menetap di Labuan dan Sabah. Terdapat beberapa keratan akhbar tempatan yang melaporkan sejarah Bhagat Singh seperti Rambler, *Sabah Times*, 13 April 1966. "The story of Sikhs in Sabah"; Rambler, *Kinabalu Sabah Times*, 3 Januari 1969. "Oldest Sikh family in state celebrates a century in Sabah"; Rambler, *Kinabalu Sabah Times*, 20 April 1979. "Sikh community loses a leader and Sabah, a historic link"; Malcolm Santa Maria, *Borneo Mail*, 7 April 1991. "The birth of Sikhism in Sabah" (Arkib Negeri Sabah).

Jadual 1: Taburan Penduduk Sikh Mengikut Jantina dan Daerah di Borneo Utara British 1911

Daerah ⁸	Dewasa		Kanak-kanak/Jantina		Lelaki perempuan
	Lelaki	Perempuan	Jumlah		
Jesselton	52	6	4	1	63
Sandakan	35	5	4	2	46
Lahad Datu	39	1	-	-	40
Inanam ke Kinarut	5	1	1	1	8
Marudu	6	-	-	-	6
Kinabatangan	4	-	-	-	4
Mempakul	2	-	1	-	3
Beaufort	2	-	-	-	2
Kudat	1	-	-	-	1
Jumlah	146	13	10	4	173

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari T. W. Rose, *Census 1911* dlm. *Official Gazette*, 2 Januari 1912: 21

Kedudukan pasukan keselamatan Kompeni Berpiagam Borneo Utara sebelum tahun 1882 tidak tersusun kerana ketika itu ia tidak mempunyai satu pasukan yang seragam. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan Tregonning (1958: 197) seperti berikut:

... for the police force of the Company was extremely weak; in 1882 it numbered no more than fifty men, mainly Sikhs secured from Hugh Low in Perak, as was Inspector A.M. De Fontaine, who replaced the pioneer commandant in 1883. He found the force scattered around the east and west coast stations totally undisciplined, with arms of different types and six different uniforms. He tightened up their training and organization, but the force deteriorated again under a new commandant, Beeston, who was employed mainly in searching for gold. By the turn of the century, when twenty years of minor incidents had cured much of the inefficiency and established a tenuous tradition, the police numbered just on 300 men, mainly Sikhs. This was the entire armed strength of the territory.

Pada tahun 1882, Kompeni Berpiagam Borneo Utara menubuhkan satu pasukan keselamatan yang lebih seragam dengan dua kontinjen yang berperanan menjaga kepentingan syarikat. Perkara ini dibuktikan seperti pernyataan berikut:

By January 1882 plans for the creation of the Sabah Constabulary were finalised. The constabulary was to consist of two distinct sections, a Sikh Force and a

⁸ Dalam banci tersebut dicatat beberapa buah daerah yang belum didiami oleh orang Sikh seperti Tawau, Labuk, Tuaran, Tempasuk, Papar, Sipitang, Tenom, Keningau, Tambunan dan Rundum.

Native Force. Captain A.M. Harington was to proceed to India to recruit a hundred Sikhs for the Sikh Force which was to perform paramilitary functions. The Constabulary as a whole was to be trained at Kudat under Captain Harington, but administratively the two sections were to be placed under different jurisdictions. The Sikh Force was to be placed entirely under the control of the Commandant; but the Native Force was to be under the charge of the administrative officer of each Residency; that is, the Resident.

(Ranjit Singh 2003: 160)

Sepanjang penelitian *British North Borneo Administration Reports*, didapati nama-nama seperti Jemadar⁹ Asa Singh, Jemadar Natha Singh, Jemadar Labh Singh, Jemadar Manggal Singh, Jemadar Kapor Singh memang tidak asing lagi dalam pasukan keselamatan CBBU. Justeru beberapa orang anggota tersebut berperanan dalam menubuhkan institusi gurdwara di Borneo Utara. Catatan Adams, W.C. (1957:25), bekas Komandan CBBU penting diteliti seperti berikut:

The original force of the Constabulary employed by the British North Borneo Chartered Company after its formation in 1881 was composed of Sikhs who were brought into the country by Capt. Harington, formerly of the Rifle Brigade and the uncle of Lt. Col. C.H. Harington who was the Commandant of the North Borneo Armed Constabulary from 1889 till 1926. This force was intended to have strength of 200 but by order of the Court of Directors it was reduced to 50 officers and men in 1882. On the reduction being made Capt. Harington resigned and was succeeded in 1883 by Capt. A.M. de Fontaine who commanded a mixed force of Sikhs, Dyaks, Somalis and Malays, numbering 153 in all, the Sikhs and Dyaks being used for military duties.

Sejak awal penglibatan dalam pasukan CBBU, anggota Sikh menghadapi pelbagai cabaran getir dicetuskan oleh penduduk tempatan dalam beberapa siri penentangan (ekspedisi).¹⁰ Ramai juga yang terkorban dan beberapa yang lain menerima pingat keberanian kerana sumbangan yang cemerlang dalam pasukan keselamatan dan pertahanan. Hal tersebut dibuktikan seperti pernyataan Adams, W.C. (1957:25) seperti berikut:

In May 1884 when 'amok' at Kawang occurred, Jemadar Asa Singh, Sergt. Major Norain Singh and Private Gendah Singh were the first fatal casualties among the Sikh police. Among the enlistments during this year was Natha Singh¹¹

⁹ Jemadar merujuk kepada pegawai junior India yang berperanan menjaga regimen infantri dan kavalrari (unit berkuda).

¹⁰ Bacaan lanjut tentang penglibatan orang Sikh dalam beberapa siri ekspedisi dalam pasukan CBBU dari tahun 1883 sehingga 1888, sila rujuk Tabrett, K.P. 1998. *Early Constabulary Expeditions in British North Borneo, 1883 to 1888. Sabah Society Journal* 15(1998): 41-58. Antara ekspedisi melibatkan anggota Sikh ialah Ekspedisi Puroh (1883), Ekspedisi The Kawang Amok (Mei 1885), Ekspedisi Panassang (Tuaran) (1886), Ekspedisi Ulu Tuaran (1886), Ekspedisi Labuk-Kinabatangan (1887), Ekspedisi Padas (1887), Ekspedisi Padas-Ulu Kimanis (1888), dan Ekspedisi Padas Damit Menentang Pangeran Sabandar (1888).

¹¹ Jemadar Natha Singh mula berkhidmat dalam pasukan CBBU sejak tahun 1884 sebagai konstabel (*private*) dan sebelum itu berkhidmat dalam pasukan *Indian Army*. Beliau mengambil bahagian dalam

who retired with the rank of Jemadar in 1911. He took part in the Omadal expedition in 1884 and the Padas expeditions in 1885, 1887 – 1889 and was severely wounded in the Ranau expedition in 1898. He was one of the first recipients of the North Borneo Silver Cross for Valour which was awarded to him for bravery shown during the Padas Damit Expedition in 1888 during which operations another Sikh officer, Jemadar Maha Bir Singh, was killed. Other recipients of this medal from among the Indian ranks are Sergt. Major Juar Singh who won his decoration for his plucky conduct at Seganan in Darvel Bay in 1891; Regiment Sergt. Major Shere Singh who received the Cross for long service and good conduct in 1895 and who died in 1899 at Sandakan after 19 years service in the Force, and Sergeant (later Subedar) Hira¹² who was decorated by the Governor in 1900 for meritorious conduct in action on the night of the 27th April at Kudat.

Pasukan CBBU juga menerima beberapa tentangan hebat daripada pemberontakan yang dicituskan oleh Mat Salleh dan pengikutnya terutama di kawasan Tambunan.¹³ Penglibatan anggota Sikh dalam pemberontakan Mat Salleh dapat dijelaskan seperti pernyataan berikut:

By January 1900, a new commandant C.H. Harington, had gathered a motley expeditionary force at Tambunan of 140 Sikh and Iban police and 500 auxiliaries, including free-lance Ibans easily available on the west coast, plus practically the entire male Kadazan population of the Tuaran. They were opposed by the Taganas, ensconced in their fortified kampongs, and by Mat Salleh and his followers, estimated at 300, in their four forts. Harington, viewing with dismay the defence works, and considering it 'disgraceful' that the enemy was well armed with the best rifles, thought that the campaign would take months.

(Black 1983: 166)

Petikan di atas jelas membuktikan penglibatan aktif anggota polis Sikh dalam pasukan CBBU dalam beberapa siri penentangan. Malah pemangku Residen, G. Hewett (1957:5-6) ketika itu turut mencatatkan:

beberapa ekspedisi membanteras pemberontakan yang dicituskan oleh masyarakat tempatan. Jemadar Natha Singh bersara selepas 26 tahun berkhidmat secara setia dalam pasukan CBBU (*Annual Report on Constabulary Department for 1910*: 51-52). Beliau mendapat kenaikan pangkat sebagai Jemadar pada tahun 1898 di atas perkhidmatan cemerlang daripada *H.E. Governor* semasa perbarisan sempena *Queen's Birthday* (*Annual Report on Constabulary Department for 1898*: 28). Pada 7 Mei 1904, Jemadar Natha Singh dipindahkan ke Jesselton dan menjadi *Instructor of Musketry and in charge of the Momamedan company* (*Annual Report on Constabulary Department for 1904*: 113). Secara ringkas, sumbangan Jemadar Natha Singh dalam pasukan CBBU amat penting dan bersejarah.

¹² Sarjan Hira berkhidmat sejak tahun 1899 dan dipercayai orang Pathan pertama berjuang bersama anggota Sikh dalam pasukan CBBU.

¹³ Maklumat mendalam tentang pemberontakan Mat Salleh, sila rujuk Tregonning, K.G. 1964. *The Mat Salleh Revolt (1894-1905)*. *Sabah Society Journal* 2(3): 119-134 dan Hewett, G. 1957. *The Mat Salleh Expedition*. *North Borneo Police Magazine* 1(2): 3-6. Kedua-dua artikel tersebut memerihalkan ekspedisi yang diharungi oleh pasukan CBBU bagi membanteras pemberontakan Mat Salleh.

... The village was deserted except the row of Chinese shops. The Dyaks promptly ran to cover in the jungle when the fort opened fire but the Sikhs were steady and lay down behind one of the paddy field dykes. I then crossed the fields and turned out all the Chinese from the shops for safety and returned to the Sikhs and hearing brisk firing going on below at Mr. Weatley's village we ordered the Sikhs to fire volleys at the fort. They made very good practice and succeeded in silencing the fort.

... I must not omit to mention the conduct of Sergeant Tara Singh of the Labuan police, which was beyond all praise from start to finish. He worked splendidly all through, seeing to everything, keeping the police in order all day long, and was both willing and anxious to stay up all night, and we had to order him to return in and sleep; and I sincerely trust that he will receive some substantial recognition of his services, which were invaluable.

Kematian Mat Salleh pada 31 Januari 1900 memberi tanggapan pihak kolonial tentang tamatnya pemberontakan di Tambunan. Akan tetapi, sangkaan tersebut meleset apabila berita serangan tercetus pula di Kudat,¹⁴ diketuai pengikut setia Mat Salleh, iaitu Mat Sator. Hal tersebut dibuktikan melalui kajian Treggoning (1964: 131) seperti berikut:

Originally Clifford had thought that all trouble had ended with the death of Salleh in January. He was rudely disillusioned by a heavy attack on Kudat on April 28. Mat Sator, leading 300-400 Bajaus, Illanuns and Dusuns, fell on Kudat at 3 a.m. This was the largest settlement on the coast between Sandakan and Labuan, and it was garrisoned by thirty Sikhs. A ship carrying forty police in transit to Sandakan was in the harbour, bringing back from the Murut expedition, and their presence saved the town. The guard of two Sikhs at the magazine was surprised, a raider using the night watch word that had not been changed for months, and both were killed.

... For an hour Kudat was theirs. Then the Dyak police, unloaded from the ship, brought fire to bear on them. The remainder of Sikhs joined in and in the cross fire Mat Sator was killed. Another leader, Mat Daud, fell with him. The remainder fled in panic.

Pada tahun 1914, mengikut Major C.H. Harington, Komandan pasukan CBBU, terdapat seramai 163 orang anggota Sikh dan beberapa orang pegawai *native* bertugas di beberapa kawasan seperti berikut: Ibu pejabat,¹⁵ Jemadar Hira, Jemadar Kapor Singh dan Jemadar Manggal Singh; sementara Jemadar Labh Singh di Sandakan; Jemadar Akbar Khan di Pedalaman¹⁶ dan Jemadar Radolah Khan di Jesselton (*British North Borneo Administration Report* 1914: 18-19). Selanjutnya pada tahun 1915, jumlah anggota Sikh dalam pasukan CBBU seramai 160 orang (Lihat Jadual 2). Berlaku sedikit rombakan

¹⁴ Bagi mendapatkan maklumat tambahan tentang serangan yang berlaku di daerah Kudat, sila rujuk BNBH, 16 Mei 1900.

¹⁵ Ibu pejabat BNBC ketika itu terletak di Kudat.

¹⁶ Kawasan pedalaman meliputi beberapa buah daerah seperti Tenom, Runday, Keningau, Tambunan dan Ranau.

dalam kedudukan lokasi pegawai *native* yang berkhidmat di beberapa wilayah di Borneo Utara. Di Ibu pejabat, pegawai *native* yang bertugas ialah Subedar¹⁷ Hira dan Jemadar Kapor Singh; sementara Jemadar Manggal Singh ditugaskan ke Sandakan; Jemadar Akbar Khan di kawasan Pedalaman dan Jemadar Radolah Khan di Jesselton (*British North Borneo Administration Report 1915: 14-15*).

Di Sandakan, Jemadar Labh Singh yang digantikan oleh Jemadar Manggal Singh pada bulan Januari 1915 telah ditugaskan ke Beaufort bagi menggantikan seorang pegawai Eropah di situ (*Annual Report on the Constabulary Department for 1915: 1*). Menurut W.C.M. Weedon, pegawai daerah Beaufort, Jemadar Labh Singh *has done very good work and has been of the greatest assistance to me*. Di Beaufort, Jemadar Labh Singh mengetuai 27 orang anggota polis bagi mengawal ketenteraman di kawasan tersebut (*Annual Report on the Constabulary Department for 1915: 14*). Sementara itu, Sarjan 54 Chatta Singh yang bertugas di Jesselton bersara pada 30 April 1915 dan tempatnya digantikan oleh Sarjan 242 Mall Singh (*Annual Report on the Constabulary Department for 1915: 18*).

Jadual 2: Pembahagian Kerakyatan Anggota Pasukan CBBU Pada Tahun 1915

Bangsa	Bilangan
British	8
Sikh	160
Punjabi Muslim & Pathan	308
<i>Natives</i> (Melayu, Filipina & Bornese)	338
Cina	7
Jumlah	821

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada *Annual Report on the Constabulary Department for 1915: 2*

¹⁷ Subedar ialah pegawai senior India dan merupakan pangkat tertinggi yang boleh dipegang oleh anggota Sikh dalam pasukan CBBU.



Foto 1: Anggota Pasukan CBBU pada tahun 1913
(Gambar Ihsan Arkib Negara Malaysia)

Pada tahun 1918, jumlah anggota Sikh yang bertugas dalam pasukan CBBU adalah seramai 130 orang. Sarjan-Major Chanda Singh dinaikkan pangkat ke jawatan Jemadar dan tempoh percubaan bermula pada 1 Januari. Sementara Jemadar Labh Singh dan Kapor Singh pulang semula dari bercuti rehat di India. Selanjutnya dilaporkan juga kematian tiga orang anggota Sikh dan tiga yang lain bersara pencen (*Annual Report on the Constabulary Department for 1918*: 87).

Pada tahun 1921, seramai 147 anggota Sikh termasuk empat pegawai *native* berkhidmat dalam pasukan CBBU. Justeru sebanyak 23 orang anggota Sikh yang baru direkrut berbanding pada tahun 1920. Antara pegawai *native* tersebut ialah Subedar Manggal Singh dan Jemadar Kapor Singh yang bertugas di Ibu pejabat; Jemadar Chanda Singh di Sandakan yang baru pulang cuti dari India pada 9 Ogos; Supernumerary Subedar Labh Singh di Tawau yang baru dinaikkan pangkat (dulu Jemadar) pada bulan Mac kerana perkhidmatan cemerlang dalam membanteras satu rusuhan serius dicituskan oleh dua kumpulan pelombong Cina di kem Silimponon¹⁸ (*Cowie Harbour Coal Co.*) dalam bulan Februari (*Annual Report on the Constabulary Department for 1921*: 81-90). Supernumerary Subedar Labh Singh telah disahkan jawatannya pada 1 Januari 1924 kemudiannya dilantik sebagai pemangku Ketua Pegawai Polis di Sandakan bermula 15

¹⁸Maklumat lanjut tentang pemberontakan tersebut, sila rujuk BNBH, 16 Mac 1921. Seramai sepuluh orang Cina terbunuh dan 24 yang lain mengalami kecederaan parah dan ringan dalam pemberontakan tersebut.

Februari 1924. Jadual 3 di halaman sebelah menunjukkan seramai 17 anggota Sikh dalam pasukan CBBU dan beberapa orang warder penjara menerima pencen pada tahun 1922.¹⁹

Pada tahun 1949, Laporan Tahunan Borneo Utara (hlm.47) melaporkan kekuatan pasukan polis seperti berikut:

The police force – the North Borneo Armed Constabulary – has an approved establishment of 17 gazetted officers, 11 inspectors and 935 others ranks. During the year an increase of three gazetted officers and three inspectors was approved for 1950. The actual strength at the end of 1949 was 15 gazetted officers, 8 inspectors and 826 other ranks. The greater part of the force is recruited locally, Dusuns, Muruts and Bruneis predominating, but 33 Sikhs and Pakistanis remained in the Force.

Petikan di atas jelas membuktikan pengurangan drastik pengambilan orang Sikh dalam pasukan keselamatan. Ada beberapa sebab berlakunya pengurangan tersebut. Antaranya kos yang tinggi bagi merekrut orang Sikh dari India. Justeru itu, kesesuaian pemilihan masyarakat tempatan berbanding orang Sikh yang lebih memahami suasana kehidupan di Borneo Utara. Maka atas alasan itu pihak kerajaan mengalih pandangan kepada masyarakat tempatan. Walaupun jumlah orang Sikh telah dikurangkan, namun semangat tinggi yang ditunjukkan oleh sebahagian kecil anggota Sikh yang masih berkhidmat penting diberi perhatian. Mereka berkhidmat dalam pasukan tersebut mungkin kerana ingin mewarisi sejarah penglibatan nenek moyang mereka yang suatu masa dahulu memonopoli sebahagian besar pasukan keselamatan di Malaysia.

Jadual 3: Senarai Anggota Sikh Menerima Pencen Pada Tahun 1922

Bil.	Nama	Tarikh Bayaran Bermula	Jabatan
1.	Besaka Singh	6.10.1910	Constabulari
2.	Sunder Singh	6.10.1910	”
3.	Chanda Singh	1.1.1914	”
4.	Chatter Singh	1.5.1915	”
5.	Alla Singh	1.10.1915	”
6.	Viriam Singh	1.9.1918	”
7.	Mastan Singh	1.1.1919	”
8.	Bood Singh	1.4.1919	”
9.	Lashman Singh	25.7.1921	Staf kerani
10.	Nika Singh	1.6.1921	Constabulari
11.	Utom Singh	5.12.1921	”
12.	Sotcha Singh	1.1.1922	Penjara
13.	Chanda Singh	25.3.1922	Constabulari
14.	Santa Singh	21.3.1922	”
15.	Kapor Singh	26.4.1922	”
16.	Hernam Singh	1.6.1922	”

¹⁹ Namun, laporan tersebut tidak menyatakan masa depan anggota Sikh selepas menerima pencen. Persoalannya, sejauhmanakah anggota Sikh yang pulang ke Punjab ataupun menceburi bidang lain di Borneo Utara tidak diketahui dan perlu diteliti lebih lanjut dalam kajian yang lain.

17. Atma Singh 1.6.1922 ”

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada *Annual Report on the Constabulary Department for 1922*: 89

Penglibatan Orang Sikh dalam Jabatan Penjara

Orang Sikh juga berkhidmat sebagai warder di Jabatan Penjara seperti di penjara Jesselton, Kudat dan Sandakan. Kesemua penjara tersebut terletak di bawah penguasaan dan pentadbiran Komandan CBBU. Majoriti warder yang bertugas di penjara tersebut sebenarnya dipindahkan dari pasukan CBBU. Kenyataan tersebut dibuktikan melalui Laporan Pentadbiran Borneo Utara British (1915: 16) seperti berikut:

Major C.H. Harington was Inspector of Prisons throughout the year with Headquarters in Jesselton. Gaoler Sucha Singh was stationed at Jesselton and Sohan Singh²⁰ at Sandakan; both carried out their duties efficiently. The total number of Warders employed, including female Warders, amounted to 33, the men for the most part being British Indians transferred from the Constabulary for these duties.

Jadual 4 di bawah menunjukkan beberapa orang pegawai dan warder yang berkhidmat di penjara Sandakan pada tahun 1915. Laporan Tahunan Jabatan Penjara 1915 (hlm. 1) melaporkan ‘*The Gaolers were Sucha Singh at Jesselton and Sohan Singh at Sandakan, and upon both favourable reports have been received. The Warders were for the most part British Indians*’. Tambah C.H.C. Pearson, Supritendan Penjara di Jesselton ‘*Gaoler Sucha Singh is a most capable man, very through in all his undertakings and has his staff well under control.*’ Ringkasnya, kesungguhan dan komitmen Sucha Singh dan Sohan Singh dalam bidang tugas masing-masing menjadi perangsang pihak kolonial mentadbir Borneo Utara secara aman.

Jadual 4: Pegawai & Warder di Penjara Sandakan Pada Tahun 1915

Pangkat / Bangsa	Nama / Bilangan
Supritendan	: Kapten H.S. Bond
Penguasa Penjara	: Sohan Singh
Warder (13)	: 1 Ketua Warder
	: 10 Kelas Pertama
	: 2 Kelas Ketiga
Bangsa	: 9 Sikh
	: 3 Punjabi-Muslim

²⁰ Tempoh perkhidmatan pegawai penjara Sohan Singh dilanjutkan pada 1 Oktober 1915 selama tiga tahun dan beliau diberi bonus. Dalam tahun yang sama, tempoh perkhidmatan Warder Kelas Pertama, Arjan Singh juga telah dilanjutkan pada 6 April 1915 dan diberi bonus (*Annual Report on the Prisons Department for 1915*, hlm. 13).

	:	1 Native
Warder Perempuan	:	1

Jumlah	:	29 Anggota
--------	---	------------

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari *Annual Report on the Prisons Department for 1915*: 3

Laporan Tahunan Jabatan Penjara pada tahun 1918 melaporkan terdapat tujuh orang anggota Sikh berkhidmat di Penjara Sandakan di bawah penguasaan Sohan Singh sebelum beliau pulang bercuti (selama lapan bulan) pada 21 Oktober. Pemergian Sohan Singh menyaksikan perlantikan Sucha Singh yang sedang berkhidmat sebagai penguasa penjara di Jesselton. Dalam laporan yang sama juga melaporkan tempoh perkhidmatan empat orang warder Sikh dilanjutkan selama tiga tahun. Antaranya ialah Warder Kelas Pertama Manggal Singh pada 13 Januari, Warder Kelas Pertama Arjan Singh pada 8 April, Penguasa penjara Sohan Singh pada 1 Oktober dan Warder Kelas Pertama Nand Singh pada 14 Disember. Pada bulan Mac pula, Sucha Singh yang bertugas sebagai penguasa penjara di Jesselton pulang bercuti selama enam bulan dan tempatnya digantikan oleh Senior Warder Chanan Singh dari Sandakan. Di Penjara Jesselton, jumlah anggota Sikh pada tahun 1918 seramai sepuluh orang. Laporan tersebut juga meluluskan tempoh lanjutan perkhidmatan Warder Kelas Pertama Roda Singh selama lima tahun lagi bermula 28 September 1918 (*Annual Report on the Prisons Department for 1918*: 101-105).

Laporan Tahunan Jabatan Penjara pada tahun 1921, melaporkan persaraan Sucha Singh (pencen) yang bertugas sebagai penguasa penjara Jesselton pada 31 Disember 1921. Persaraan beliau menyaksikan kehilangan seorang pegawai Sikh yang berdedikasi dan komited dalam bidang tugasnya. Laporan tersebut menunjukkan seorang Sikh direkrut bagi berkhidmat sebagai warder di penjara Jesselton. Sebaliknya, di penjara Sandakan pula Sohan Singh masih bertugas sebagai penguasa penjara dan seorang warder Sikh dibenarkan pulang bercuti ke India (*Annual Report on the Prisons Department for 1921*: 91-96).

Satu ciri penting dalam hubungan Sikh dengan pihak kerajaan British ialah kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan British kepada keupayaan, sumbangan dan komitmen tinggi orang Sikh dalam melaksanakan tugas mereka. Ada beberapa sebab mengapa orang Sikh digemari oleh kolonial British untuk diserapkan ke dalam pasukan keselamatan di seluruh empayar British termasuk Tanah Melayu dan Borneo Utara. Misalnya, faktor kesetiaan dan keberanian orang Sikh dapat dilihat melalui dua pernyataan berikut:

The Mutiny of the Bengal Army in 1857 saw the beginning of the mass recruitment of Sikhs for the Indian Army. In less than ten years the Sikhs had become so grateful for the benefits of British rule that they were happy to fight for it. They were simple, manly and upright fellows. The army was considered as their natural profession. They were hardy, brave and intelligent, obedient to discipline; attached to their officers; and careless of caste prohibitions. They were considered to be thoroughly reliable and useful soldiers.

(Nadzan Haron 1991: 68)

When the Mutiny broke out in India, only the Punjabis remained loyal to the British, while the rest of Northern Indian rebelled against their rule. The Sikhs especially, helped the British in suppressing the mutiny and were rewarded for their services. Furthermore, they were eagerly sought for recruitment in the British Army because of their proven loyalty and bravery.

(Amarjit Kaur 1973: 24)

Mengikuti Azharudin Mohamed Dali (2003: 233), kehadiran orang Sikh dan Pathan sebagai anggota polis dalam CBBU telah banyak membantu melicinkan pentadbiran syarikat tersebut mentadbir Sabah. Dedikasi mereka dalam tugas sebagai polis sememangnya sangat penting terutama dalam menghadapi tentangan dan cabaran-cabaran daripada masyarakat tempatan yang sering sahaja mencabar kehadiran Syarikat Borneo Utara British. Kebergantungan Syarikat kepada orang India sebagai anggota polis sememangnya tidak dapat dielakkan kerana keengganan orang tempatan bekerja dengan Syarikat yang dianggap sebagai penjajah. Kesukaran mendapatkan orang tempatan untuk berkhidmat sebagai anggota polis sebenarnya membawa masalah kerana hanya orang tempatan yang lebih mahir dengan selok-belok di Sabah berbanding orang asing (BNBH, 13 Jun 1910). Sementara orang Cina pula tidak fasih berbahasa Inggeris menyebabkan mereka tidak dilihat sebagai calon yang sesuai berkhidmat dalam pasukan CBBU.

Secara keseluruhannya, diteliti beberapa laporan awal daripada Jabatan Constabulari dan Penjara di atas, jelas menunjukkan penglibatan besar orang Sikh dalam pasukan keselamatan disegani oleh pegawai British. Penulis berpendapat komitmen dan semangat tinggi yang ditunjukkan oleh anggota Sikh merupakan aset penting dalam menjaga keselamatan dan kepentingan kolonial. Tanpa bantuan orang Sikh “mengawal” keselamatan mungkin amat sukar bagi pihak kolonial menjajah dan mentadbir (kolonialisme) bukan sahaja Borneo Utara dan Malaya malah seluruh jajahan empayar British. Mengikuti Ranjit Singh (1993: 581), majoriti orang Sikh pulang semula ke India selepas bersara daripada pasukan polis, akan tetapi ada sebilangan kecil yang terus menetap di situ.

Kesan Terhadap Identiti Sikh

Diaspora dan penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan di Borneo Utara lebih tertumpu di beberapa buah kawasan utama seperti Jesselton, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau. Penglibatan dalam pasukan keselamatan CBBU meninggalkan beberapa kesan sosial terhadap komuniti Sikh. Antaranya menyentuh aspek agama Sikh, pembinaan institusi gurdwara, pembentukan komuniti peranakan Punjabi, hubungan kekeluargaan dengan Punjab dan semangat kesukanan. Semua kesan sosial tersebut dipercayai mempengaruhi pembinaan identiti Sikh di Sabah sehingga ke hari ini.

Pertama, orang Sikh yang dibawa masuk dari Punjab telah membawa masuk bersama-sama agama mereka, iaitu agama Sikh. Mereka tidak boleh dipisahkan daripada agama Sikh dan sangat berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang terdapat di dalamnya. Pada peringkat awal penghijrahan orang Sikh ke Borneo Utara, agama Sikh

telah menjadi elemen penting dalam perpaduan di kalangan orang Sikh terutamanya yang berada dalam pasukan CBBU. Faktor agama merupakan elemen utama menjalinkan hubungan erat di kalangan orang Sikh dalam pasukan keselamatan.

Selanjutnya kesan kemasukan agama Sikh telah membawa kepada pembinaan institusi gurdwara (pusat keagamaan Sikh). Kehidupan orang Sikh sememangnya tidak boleh dipisahkan daripada institusi gurdwara kerana segala upacara keagamaan, iaitu bermula daripada kelahiran sehingga kematian berlangsung di gurdwara.

Catatan sejarah menunjukkan gurdwara yang awal di Borneo Utara dibina di kawasan berek polis di Batu Tiga (Jesselton) dalam tahun 1906 oleh anggota polis Sikh daripada pasukan CBBU. Ia merupakan gurdwara polis yang pertama di negeri Sabah. Pada tahun 1920-an, pegawai CBBU memberikan sebidang tanah seluas 0.74 ekar kepada anggota polis Sikh bagi membina gurdwara baru yang berhampiran dengan Ibu Pejabat Polis di Batu Tiga. Kedudukan kawasan gurdwara baru bersebelahan dengan landasan keretapi. Bangunan gurdwara tersebut dikenali sebagai *Sikh and Hindu Temple* dibina dalam tahun 1924²¹ dan kemudian ditukar namanya kepada *Jesselton Sikh Temple*. Gurdwara tersebut dibina di bawah kepimpinan Subedar Manggal Singh Kalsi dengan bantuan T.V. Durai, jurutera di Jabatan Survei yang bertanggungjawab merekacipta struktur bangunan serta Choo Seng Teck membinanya (BNBH, 1 Oktober 1924).

Pada 27 September 1924, pembukaan bangunan gurdwara baru dirasmikan oleh *His Excellency of the Governor*, Sir William. Berikut adalah petikan ucapan perasmian Sir William pada hari yang bersejarah yang direkod dalam BNBH (1 Oktober 1924):

“I am glad to be able to open this Temple at the request of the Sikh Community. You will, I am sure, all agree that it is a fine building and I congratulate the Committee on its design. I have visited the Golden Temple at Amritsar and, although this building cannot of course compare with that, I consider that for a small Community of Sikhs in this country it is an eminently suitable structure.

The Sikhs have for many generations proved themselves most faithful servants of the British Raj and I often feel we are lucky to have a good many settling in North Borneo. We are a peaceful community but it gives a feeling of security to know that there is a growing Indian Community who would, I know in case of need rally to the Government. I declare this Temple open.”

²¹ Maklumat lanjut tentang proses permohonan dan kelulusan tanah bagi pembinaan gurdwara di Jesselton, sila rujuk Fail No. 988, Sikh Temple at Jesselton (Arkib Negeri Sabah). Penulis mengenalpasti kesalahan fakta sejarah dalam kajian Azharudin Mohamed Dali (2003). Menurut Azharuddin (2003:238), tokoh yang bertanggungjawab membangkitkan isu pembinaan gurdwara di Jesselton ialah Gurbaksh Singh Kler dan T.V. Durai. Sekiranya diteliti dengan cermat Fail No. 988, Sikh Temple at Jesselton tidak disebut pun nama G.S Kler sebaliknya memerihalkan peranan Subedar Manggal Singh Kalsi yang bertanggungjawab mendapatkan kelulusan pembinaan gurdwara baru. Justeru itu, artikel Datuk G.S. Kler (1989: 2), *Brief historical notes: Sikh settlers and gurdwaras of Sabah* turut menjelaskan bahawa Subedar Manggal Singh dibantu oleh T.V Durai bertanggungjawab membina bangunan Gurdwara Sahib Jesselton. Kesalahan fakta yang diberikan pasti menjejaskan penulisan sejarah sosial komuniti Sikh di Sabah. Justeru itu, ia bersifat sensitif dan boleh menimbulkan konflik antara kedua-dua generasi tokoh berkenaan yang masih menetap di Kota Kinabalu.

Ucapan tersebut menerima sambutan baik daripada penganut Sikh kerana gurdwara amat penting bagi memenuhi keperluan kerohanian dan penyatuan komuniti terutama di sekitar kawasan Kota Kinabalu. Subedar Manggal Singh²² memainkan peranan penting dalam proses pembinaan bangunan gurdwara baru. Beliau merupakan tokoh yang dihormati dan disegani oleh komuniti Sikh di Borneo Utara. Pada bulan Mac 1891, Manggal Singh berkhidmat sebagai anggota polis dalam pasukan CBBU. Beliau juga banyak menyertai ekspedisi menentang pemberontakan seperti di Mumus, Syapun, Sugut, Tomani dan Tambunan serta dianugerahi Pingat Ekspedisi. Pada 1 Mei 1912, Manggal Singh dinaikkan pangkat ke jawatan Jemadar (tempoh percubaan) dan disahkan jawatan penuh pada 1 Mei 1913. Selanjutnya pada 1 Julai 1917, Jemadar Manggal Singh dinaikkan pangkat ke jawatan Subedar (BNBH, 2 Januari 1926). Sehingga tahun 1923, Subedar Manggal Singh telah berkhidmat selama 30 tahun di dalam pasukan CBBU dan atas permintaannya tempoh perkhidmatan dilanjutkan selama dua tahun (*Annual Report on the Constabulary Department for 1923*: 87).

Pada 1 Januari 1926, Subedar Manggal Singh bersara pencen daripada pasukan CBBU (BNBH, 2 Januari 1926). Pada 30 Disember 1925, satu majlis meriah bagi persaraan Subedar Manggal Singh disambut dengan ucapan perpisahan oleh His Excellency of Governor, Mr. Pearson dan perbarisan penuh pasukan CBBU. Beliau dianugerahi *Sword of Honour* kerana penglibatan yang cemerlang dalam pasukan keselamatan (Kler 1989: 2). Anugerah tersebut dipercayai penghargaan tertinggi diberikan oleh Kerajaan British kepada *non-commissioned officer* (N.C.O). Pedang tersebut dibawa pulang ke Punjab dan dipercayai masih digunakan oleh sanak saudara terutama semasa upacara perkahwinan.²³

Penglibatan besar-besaran orang Sikh dalam pasukan keselamatan dan pertahanan di Borneo Utara turut membawa kesan pembentukan satu komuniti baru, iaitu peranakan Punjabi. Komuniti peranakan Punjabi ini terbentuk hasil perkahwinan campur antara lelaki Sikh dengan gadis tempatan masyarakat Kadazan-Dusun, Murut, Bajau, Cina dan sebagainya.²⁴ Mengikut sejarah, perkahwinan campur Sikh pertama di Gurdwara Sahib Jesselton berlangsung pada 19 Oktober 1933 antara Sarban Singh dan Satya Kaur (nama baru) yang berasal dari Kepayan. Perkahwinan campur kedua antara Subedar Dewa Singh Mann²⁵ yang berkhidmat dalam pasukan CBBU dengan Inder Kaur (nama baru) pada 5

²² Manggal Singh Kalsi dilahirkan di Punjab, India. Subedar Manggal Singh mempunyai dua orang anak lelaki, iaitu Jemadar Chanan Singh yang ketika itu bertugas sebagai anggota pasukan polis CBBU dan Utom Singh yang berkhidmat di Jabatan Penjara di Borneo Utara dalam tahun 1930-an. Selepas bersara dari pasukan CBBU, Subedar Manggal Singh pulang semula ke India. Beliau seorang pegawai yang dihormati dalam pasukan CBBU dan komited dalam agama Sikh serta disegani oleh komuniti di Punjab. Subedar Manggal Singh meninggal dunia pada tahun 1935 kerana penyakit diabetes. Maklumat ini diperolehi melalui temubual bersama En. Mahinder Singh Kalsi, 64 tahun, anak kepada Jemadar Chanan Singh dan cucu Subedar Manggal Singh pada 16 Mac 2004 bertempat di Gurdwara Sahib Kota Kinabalu. Cucunya masih menyimpan beberapa dokumen sejarah milik datuknya, Subedar Manggal Singh.

²³ Temubual bersama En. Mahinder Singh Kalsi pada 16 Mac 2004 di Kota Kinabalu.

²⁴ Bacaan lanjut tentang komuniti peranakan Punjabi di Sabah, sila rujuk Serjit Sahib Singh. 1992. Krisis identiti di kalangan komuniti peranakan Punjabi yang beragama Sikh: satu kajian kes di Pantai Barat Sabah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjit S. Gill. 2001. Perkahwinan campur peranakan Punjabi di Sabah. *Sari* 19: 189-203. Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁵ Subedar Dewa Singh Mann bukan sahaja seorang tokoh yang disegani malah digeruni ketika itu oleh komuniti Sikh di Jesselton. Beliau mempunyai jaringan hubungan yang baik dengan pegawainya.

Ogos 1934. Kedua-dua upacara perkahwinan tersebut dilangsungkan oleh Bhai Kahan Singh²⁶ *Granthi Sahib* pertama di Borneo Utara (Kler 1989: 8-9). Kemudian, banyak lagi perkahwinan campur berlaku antara anggota polis Sikh dengan gadis tempatan. Hakikatnya, perkahwinan campur membawa kepada bilangan penduduk peranakan Punjabi yang lebih besar berbanding Sikh totok.

Kesan seterusnya berkait rapat tentang pengekalan hubungan kekeluargaan dengan sanak-saudara mereka di Punjab, India. Hubungan persaudaraan tersebut adalah penting kerana menjamin keberlangsungan generasi. Justeru ada beberapa orang peranakan Punjabi pulang menziarahi kaum keluarga di Punjab. Walaupun mereka adalah golongan peranakan namun semangat kekeluargaan yang murni diberi perhatian kerana ia adalah warisan nenek moyang mereka. Lawatan tersebut juga penting kerana secara tidak langsung menunjukkan komitmen kepada “tanahair” mereka di Amritsar, yakni tanah suci dan sumber rujukan agama Sikh. Di Sabah, komuniti Sikh termasuk peranakan Punjabi merupakan salah satu kumpulan minoriti yang kecil kerana bilangan penduduknya yang amat kurang (anggaran 500 orang sahaja). Di Malaysia, sungguhpun jumlah penduduk Sikh adalah kecil dari segi bilangan (anggaran 60 ribu hingga 70 ribu orang)²⁷ namun komuniti tersebut berjaya melahirkan pelbagai golongan profesional yang disegani berbanding komuniti minoriti lain.

Penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan juga memberi kesan positif kepada identiti Sikh apabila semangat kesukanan tinggi ditunjukkan dalam pasukan CBBU. Misalnya, sejak tahun 1906 pertandingan menembak diperkenalkan bertujuan melahirkan anggota polis yang cekap dalam bidang tugas mereka. Dalam acara tersebut, dua anugerah dipertandingkan setiap tahun, iaitu penembak senior terbaik dan penembak terbaik rekrut baru. Sejak awalnya dipertandingkan, anggota polis Sikh dilihat menguasai pertandingan tersebut. Pada tahun 1906, Sunder Singh dan Besant Singh menjadi juara penembak terbaik (BNBH, 2 Januari 1917). Justeru terdapat beberapa acara sukan tahunan yang lain dipertandingkan dan penyertaannya terbuka kepada pasukan konstabel. Antara acara yang dipertandingkan adalah acara balapan seperti lari 100 ela, lompat tinggi, lompat jauh dan acara menembak. Pada tahun 1899, orang Sikh menjuarai beberapa acara sukan seperti menembak, lompat jauh, lompat tinggi dan lari 100 ela (BNBH, 16 Januari 1899).

Selanjutnya pada 28 Mac 1907, pertandingan sukan diadakan di Ibu Pejabat Berek Victoria. Sesi pertandingan sukan tersebut sekali lagi menonjolkan kecemerlangan anggota Sikh yang menjuarai beberapa acara yang dipertandingkan. Buktinya, Chanda

Anaknya, Datuk Udham Singh merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara (JPG) yang berpengaruh, kaya dan digeruni oleh komuniti Sikh di Kota Kinabalu.

²⁶ *Granthi Sahib* merupakan ahli agama yang berpengetahuan dalam mengendalikan pelbagai upacara keagamaan di gurdwara. Bhai Kahan Singh dipercayai *Granthi Sahib* profesional yang pertama di Jesselton pada tahun 1931. Beliau mendapat pendidikan tinggi di *Khalsa High School* di Amritsar, Punjab. Bacaan lanjut tentang biografi Bhai Kahan Singh sila rujuk, Surjit S. Gill. 2003. *Sikhs in Sabah and Labuan*, hlm. 110-111. Setelah meneliti sumbangan Bhai Kahan Singh, penulis dapati beliau merupakan seorang *Granthi Sahib* yang komited dalam tugasnya serta prihatin tentang kawasan persekitaran gurdwara. Pernyataan tersebut dibuktikan dalam laporan polis yang dibuat oleh Bhai Kahan Singh pada 14 Oktober 1933 tentang kehilangan seponon pokok ciku yang ditanam di kawasan gurdwara, sila rujuk Nombor Laporan Polis 393/33 dalam *Jesselton Police Report*, 1933 (Arkib Negeri Sabah).

²⁷ Jumlah dianggarkan itu merujuk pada tahun 2002 (Information Malaysia Book Year 2002: 28). Pengkaji hairan kerana jumlah penduduk Sikh di Malaysia yang dianggarkan oleh *Malaysia Information Book* setiap tahun tidak pernah berubah sejak tahun 1996.

Singh dan Karim Buksha memenangi acara lompat jauh; Mewa Singh menjuarai acara lari ¼ batu, lari dalam guni dan lari 100 ela; sementara Sherjuman dan Mewa Singh memenangi acara lari berpagar dan acara menembak dimenangi oleh Ganda Singh dan Alla Singh (BNBH, 16 April 1907). Penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan dan pertahanan melahirkan beberapa tokoh atlit yang berjaya meninggikan martabat dan identiti komuniti Sikh di Sabah. Antara yang cukup aktif dalam memertabatkan bidang serta semangat kesukanan negara ialah Datuk Gurbaksh Singh Kler.²⁸ Semua anak-anaknya terlibat secara aktif dalam bidang kesukanan di peringkat negara dan antarabangsa serta menjadi kebanggaan komuniti Sikh di Malaysia amnya dan Sabah khususnya.



Foto 2: Subedar Manggal Singh (duduk memegang tongkat) bersama pasukan bola CBBU. (Gambar Ihsan Mahinder Singh, Kota Kinabalu, Sabah)

²⁸ Pada 11 November 1933, satu pertandingan sukan *Athletic Sports Match* dipertandingkan antara Kelab Rekreasi Jesselton dan pasukan CBBU. Dalam pertandingan tersebut, G.S.Kler yang mewakili Kelab Rekreasi Jesselton memenangi beberapa acara sukan seperti lari 880 ela, lari 440 ela dan lari 1 batu, lari 120 ela berpagar (tempat kedua) dan lompat tinggi (tempat ketiga) (BNBH, 16 November 1933). Beliau merupakan orang Sikh yang pertama memiliki basikal di negeri Sabah. Datuk Kler banyak memberi sumbangan dalam perkembangan sukan negara sehingga dianugerahi Tokoh Sukan Negara kerana penglibatan cemerlang dalam memertabatkan semangat kesukanan di Malaysia amnya dan Sabah khususnya. Datuk Kler juga adalah tokoh yang bertanggungjawab menubuhkan *Sabah Indian Association* dan merupakan presiden pertama pada tahun 1947. Beliau juga adalah mantan *journalist* dalam akhbar harian dan menggunakan nama pena sebagai *Rambler*. Maklumat lanjut mengenai biografi Datuk G.S.Kler, sila rujuk Buku Cendermata *Sabah Indian Association, 50th Anniversary*, 7 Mei 1997, Kota Kinabalu, hlm. 17-18.

Penutup

Penglibatan orang Sikh dalam pasukan keselamatan dan pertahanan kolonial British sama ada di Malaya mahupun Borneo Utara telah mewarnai sejarah kedatangan orang Sikh di Malaysia. Tidak dapat dinafikan kejayaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British menjajah dan mengurus tadbir Borneo Utara sebenarnya banyak bergantung kepada peranan penting pasukan CBBU dan majoritinya dianggotai oleh orang Sikh. Dalam hal ini sumbangan anggota Sikh menjadi perangsang kepada pihak Syarikat tersebut untuk meluaskan kuasa di pelbagai kawasan yang boleh membawa keuntungan kepada para pedagang British. Ini terbukti oleh penglibatan besar orang Sikh dalam pasukan keselamatan di seluruh jajahan British seperti India, Kanada, Fiji, Burma, Hong Kong, New Zealand dan Australia. Ringkasnya, penglibatan komuniti Sikh dalam pasukan keselamatan kolonial British memang perlu dikaji oleh sarjana daripada pelbagai bidang sama ada sejarah, antropologi, sosiologi mahupun kepolisan. Hal ini kerana penglibatan orang Sikh dalam bidang keselamatan tidak banyak diketahui oleh masyarakat Malaysia termasuk orang Sikh itu sendiri.

Rujukan

Adams, W.C. 1957. Our Indian Police (1881-1941). *North Borneo Police Magazine* 1(2): 25-26, July.

Amarjit Kaur. 1973. North Indians in Malaya: a study of their economic, social and political activities with special reference to Selangor 1870s-1940s'. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya.

Annual Report on the Constabulary Department for 1898, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1904, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1910, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1915, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1918, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1921, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1922, British North Borneo.

Annual Report on the Constabulary Department for 1923, British North Borneo.

Annual Report on the Prisons Department for 1915, British North Borneo.

Annual Report on the Prisons Department for 1918, British North Borneo.

Annual Report on the Prisons Department for 1921, British North Borneo.

Arunajeet Kaur. 2003. The role of Sikhs in the policing of British Malaya and the Straits Settlements (1874-1957). Tesis Sarjana Sastera. National University of Singapore.

Azharudin Mohamed Dali. 2003. Sejarah masyarakat India di Sabah sebelum dan selepas merdeka: satu penelitian umum. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 31: 227-244.

British North Borneo Administration Report 1914.

British North Borneo Administration Report 1915.

British North Borneo Herald, 1 Oktober 1924.

British North Borneo Herald, 13 Jun 1910.

British North Borneo Herald, 16 April 1907.

British North Borneo Herald, 16 Januari 1899.

British North Borneo Herald, 16 Mac 1921.

British North Borneo Herald, 16 Mei 1900.

British North Borneo Herald, 16 November 1933

British North Borneo Herald, 2 Januari 1917.

British North Borneo Herald, 2 Januari 1926.

Charanjit Kaur Gill. 2003. Perubahan peranan *Granthi* di gurdwara: satu kajian etnografi di Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hewett, G. 1957. The Mat Salleh Expedition. *North Borneo Police Magazine* 1(2): 3-6.

Ian Black. 1983. *A gambling style of government: the establishment of the Chartered Company's rule in Sabah, 1878-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Information Malaysia Book Year 2002. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Kler, G.S. 1989. *Brief historical notes: Sikh settlers and gurdwaras of Sabah in Malaysia*. t.pt.

Malcolm Santa Maria. *Borneo Mail*. The birth of Sikhism in Sabah. 7 April 1991.

Mohd. Radzuan Haji Ibrahim. 1995. *Polis dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nadzan Haron. 1991. High noon of the Sikhs in the armed establishments of British Malaya. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 19: 65-78.

North Borneo Annual Report for 1949.

North Borneo Secretariat Files (Pink Files). No. 1011, "Jesselton Police Report".

North Borneo Secretariat Files (Pink Files). No. 87, "Constabulary Ordinance 1903".

North Borneo Secretariat Files (Pink Files). No. 988, "Sikh Temple Jesselton".

Rambler. *Kinabalu Sabah Times*. Oldest Sikh family in state celebrates a century in Sabah. 3 Januari 1969.

- Rambler. *Kinabalu Sabah Times*. Sikh community loses a leader and Sabah, a historic link. 20 April 1979.
- Rambler. *Sabah Times*. The story of Sikhs in Sabah. 13 April 1966.
- Ranjit Singh, D.S. 1993. Indians in East Malaysia. Dlm K.S. Sandhu dan A.Mani (pnyt.). *Indians Communities in Southeast Asia*, hlm. 568-584. Singapore: Time Academic Press.
- Ranjit Singh, D.S. 2003. *The making of Sabah 1865-1941*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rose, T.W. 1912. *Census 1911. Official Gazette*, 2 Januari.
- Sabah Indian Association, 50th Anniversary*, 7 Mei 1997, Kota Kinabalu, Sabah.
- Sandhu, K.S. 1970. Sikh immigration into Malaya during the period of British rule. Dlm. Chen, J. & Tarling, N. (pnyt.). *Studies in the social history of China and South-East Asia*, hlm. 335-354. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sarjit S. Gill. 2001. Perkahwinan campur peranakan Punjabi di Sabah. *Sari* **19**: 189-203.
- Sarjit S. Gill. 2002. Bibliografi komuniti Sikh di Malaysia (1937-2002). *Sari* **20**: 169-179.
- Sarjit S. Gill. 2003. Penglibatan orang Sikh dalam tiga pasukan keselamatan kolonial British di Malaya sehingga 1919. Layari e-jurnal www.fssk.ukm.my/esumber/. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit Singh. 1999. Diaspora dan masalah identiti Sikh di Malaysia. *Akademika* **55**: 183-192.
- Sarjit Singh. 2001. Kedatangan orang Sikh dan penubuhan gurdwara di Tanah Melayu. *Malaysia Dari Segi Sejarah* **29**: 31-42.
- Sarjit Singh. 2005. Peranan Gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh di Malaysia: Satu kajian perbandingan. Tesis Ph.D, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Serjit Sahib Singh. 1992. Krisis identiti di kalangan komuniti peranakan Punjabi yang beragama Sikh: satu kajian kes di Pantai Barat Sabah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surjit S. Gill. 2003. *Sikhs in Sabah and Labuan: a historical perspective*. Labuan: Labuan Sikh Society.

Tabrett, K.P. 1998. Early constabulary expeditions in British North Borneo, 1883 to 1888. *Sabah Society Journal* **15**: 41-58.

Tregonning, K.G. 1958. *Under Chartered Company Rule*. Singapore: University of Malaya Press.

Tregonning, K.G. 1964. The Mat Salleh Revolt (1894-1905). *Sabah Society Journal* **2**(3): 119-134.